



KENYATAAN POLISI
SISTEM PENGURUSAN ANTI RASUAH (SPAR)
LEMBAGA PELABUHAN KELANG

Lembaga Pelabuhan Kelang (LPK) sebagai sebuah badan kawal selia pelabuhan di Pelabuhan Klang tekad dan komited untuk meningkatkan kualiti penyampaian perkhidmatan, mengukuhkan mekanisme tadbir urus terbaik dan memastikan persekitaran kerja yang berintegriti serta bebas rasuah.

Bersesuaian dengan aspirasi nasional, LPK telah melancarkan Polisi Sistem Pengurusan Anti Rasuah (SPAR) yang bermatlamatkan ke arah pelabuhan berprestij yang dibina dengan integriti dan bebas dari amalan rasuah.

Polisi SPAR ini menetapkan parameter untuk mencegah, memantau dan menghapuskan sebarang bentuk perbuatan rasuah, penyelewengan dan salah guna kuasa berkaitan dengan LPK.

Polisi ini hendaklah dibaca bersama dengan Polisi Tidak Menerima Hadiah, Polisi Pemberi Maklumat LPK dan Pelan Antirasuah LPK.

LPK komited untuk melaksanakan dan menguatkuasakan polisi dan prosedur di seluruh LPK bagi mencegah, memantau dan menghapuskan sebarang bentuk rasuah dikalangan warga kerja LPK dan di dalam aktiviti LPK termasuk dalam perhubungannya dengan pihak-pihak berkepentingan di samping memastikan kawalan serta penambahbaikan dijalankan secara strategik dan berterusan.

LPK berjanji mengamalkan toleransi sifar terhadap apa-apa bentuk perlakuan rasuah dan salah guna kuasa dalam melaksanakan kawal selia serta operasinya. Bagi mencapai matlamat bebas rasuah, LPK beriltizam seperti berikut:

- i. Memastikan pelaksanaan salah satu Petunjuk Bidang Keberhasilan Utama Negara (NKRA) dalam memerangi rasuah dijalankan;
- ii. Memastikan pematuhan Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 (Akta 694) dan undang-undang/peraturan berkaitan serta memberi kerjasama penuh kepada Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) dalam membendung segala bentuk perlakuan rasuah di LPK;
- iii. Pihak Pengurusan Atasan LPK komited untuk melaksanakan kawalan dan penambahbaikan secara berterusan menerusi Sistem Pengurusan Anti-Rasuah LPK (MS ISO 37001);

- iv. Menyediakan saluran dan menggalakkan pelaporan mengenai aktiviti rasuah serta salah guna kuasa menerusi Polisi Pemberi Maklumat (*Whistle Blowing Policy*) di bawah Akta Pelindungan Pemberi Maklumat 2010;
- v. Tidak memberi, berjanji untuk memberi, menawar, meminta atau menerima apa-apa hadiah yang bertentangan dengan Polisi Tidak Menerima Hadiah LPK;
- vi. Mengenal pasti, mengkaji kelemahan dan menambahbaik sistem dan prosedur kerja yang boleh membuka ruang dan peluang kepada perlakuan rasuah, penyalahgunaan kuasa dan penyelewengan;
- vii. Menyediakan platform untuk memberikan latihan, didikan dan kesedaran terhadap keseriusan kesalahan rasuah, polisi-polisi berkaitannya dan hukuman ke atas pelakunya;
- viii. Bekerjasama dengan pemegang taruh di Pelabuhan Klang sebagai sebuah pelabuhan yang terpilih dan terunggul di Asia di dalam usaha memerangi sebarang bentuk ancaman dan perlakuan jenayah rasuah yang boleh menggugat industri pelabuhan serta menjejaskan imej negara; dan
- ix. Setiap warga kerja LPK bertanggungjawab untuk membaca dan memahami Polisi ini. Ketidakpatuhan dan pelanggaran pelanggaran Polisi oleh warga kerja boleh menyebabkan Tindakan disiplin diambil oleh LPK mengikut Akta Badan-Badan Berkanun (Tatatertib & Surcaj) 2000 (Akta 605) dan/atau memulakan prosiding undang-undang terhadap warga kerja yang terlibat.

Dengan adanya komitmen dan tekad ini, LPK percaya dapat mencapai aspirasinya agar Pelabuhan Klang dikenali di persada antarabangsa dengan prestasi yang cemerlang, berintegriti dan bebas rasuah.



.....
Capt. K. Subramaniam
Pengurus Besar
Lembaga Pelabuhan Kelang
Tarikh: 1 September 2022